

TARIKH : 6 JANUARI 2016 [RABU]

AKHBAR : SINAR HARIAN
(PORT DICKSON)

M/S: 42

TAJUK : [PORT DICKSON]
LORI PENJAJA ROSAKKAN PEMANDANGAN

Lori penjaja rosakkan pemandangan

Tinggalkan lori, van yang dijadikan stor di kawasan parkir lepas tamat operasi

PORT DICKSON - Sikap sebahagian penjaja makanan menggunakan lori bergerak di daerah ini yang melanggar peraturan ditetapkan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), menimbulkan masalah kepada orang awam dan mencemarkan pemandangan.

Yang Dipertua MPPD, Datuk Ab Khalid Mat berkata, selepas hampir enam tahun MPPD memperkenalkan konsep perniagaan penjaja lori bergerak, ia memberi impak positif kepada sektor pelancongan di daerah ini.

Bagaimanapun, menurutnya, sikap sebahagian penjaja yang melanggar peraturan lesen perniagaan penjaja lori bergerak mendatangkan banyak masalah kepada pelbagai pihak dan sektor pelancongan itu sendiri.

"Antara masalah ditimbulkan adalah meletak lori mereka di kawasan larangan. MPPD telah menyediakan lokasi khas, namun masih ada yang menggunakan tempat letak kereta awam untuk kegunaan pengunjung," katanya.

Ab Khalid berkata, penjaja ini turut didapati menggunakan lebih daripada satu lot parkir untuk menjalankan perniagaan mengakibatkan pengunjung sukar mendapatkan tempat meletakkan kenderaan.

"Lebih bermasalah apabila tamat waktu operasi penjaja,



Lori penjaja bergerak yang ditinggalkan di kawasan khas perniagaan.



AB KHALID



Van usang yang dijadikan stor menyimpan barang oleh peniaga menyakitkan mata yang memandang.

mereka akan meninggalkan lori serta van yang dijadikan stor di kawasan parkir berkenaan, seolah-olah ia milik mereka dan tidak boleh digunakan pengguna lain. Perkara ini tidak sewajarnya berlaku," katanya.

Ab Khalid berkata, penjaja berkenaan juga didapati tidak mementingkan aspek ke-

bersihan apabila mengotor dan mencemarkan lot parkir dengan lebih minyak masak, sisa makanan dan sebagainya sekali gus mencemarkan kawasan perniagaan.

"Pada waktu hujung minggu dan cuti umum termasuk cuti sekolah, sampah jualan tidak diurus dengan sempurna dan dibiarkan bersepuh. Pada dasarnya, MPPD telah menyediakan ruang penjaja khas, namun tidak digunakan penjaja dengan alasan ruang disediakan kecil.

Terdapat juga penjaja yang berniaga di kawasan lot khas disediakan gagal mematuhi peraturan. Mereka wajib membawa balik kenderaan atau lori penjaja berkenaan bukannya meninggalkannya di kawasan itu," katanya.

Ab Khalid berkata, MPPD

telah mengenal pasti terdapat sekurang-kurangnya 20 penjaja lori bergerak beroperasi di kawasan tumpuan utama iaitu Pantai Saujana dan Pantai Bagan Pinang.

"Malah MPPD juga mendapati ada segelintir penjaja beroperasi tanpa lesen MPPD. MPPD akan memanggil semua pengusaha penjaja lori bergerak bagi membincangkan permasalahan tersebut dalam masa terdekat," katanya.

MPPD telah mewujudkan enam kawasan perniagaan bagi lesen penjaja bergerak mengikut zon iaitu Zon A (Mukim Port Dickson), Zon B (Mukim Port Dickson-Lukut), Zon C (Mukim Lukut-Jalan Setemban), Zon D (Mukim Jimah), Zon E (Mukim Si Rusa Jalan Pantai) dan Zon F (Mukim Pasir Panjang).



Antara barangan niaga dan lori penjaja yang ditinggalkan di kawasan Pantai Bagan Pinang.

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM